

15

NO. SOALAN: 407

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DR. IZANI BIN HUSIN [PENGKALAN CHEPA]**

**SOALAN : 407**

**Dr. Izani Bin Husin [Pengkalan Chepa]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik kes tangkapan dan pendakwaan oleh SPRM yang melibatkan penjawat awam dan individu berprofil tinggi bagi tahun 2013 sehingga 2016.

**JAWAPAN:** **YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Yang Berhormat,

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyiasat setiap kesalahan rasuah berdasarkan peruntukkan Akta SPRM 2009 dengan adil tanpa membezakan kedudukan, fahaman politik atau sektor yang terlibat. SPRM juga tidak ada membezakan siasatan sesuatu kes mengikut profil tinggi atau pun tidak.

Bilangan penjawat awam yang telah ditangkap bagi tahun 2013 sehingga 2016 adalah seramai 1,266 manakala bilangan yang didakwa adalah seramai 508.

Semua maklumat ini boleh diakses melalui portal rasmi dan Facebook SPRM, selain hebahan-hebahan berita di media-media perdana.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO:408

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BERTULIS**

**DARIPADA : DR. IZANI BIN HUSIN (PENGKALAN CHEPA)**

**SOALAN : 408**

**Dr. Izani Bin Husin [Pengkalan Chepa] minta PERDANA MENTERI menyatakan statistik kes yang telah disiasat oleh Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan bagi tahun 2013 sehingga 2016.**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Dipertua,

Sejak tahun 2013 hingga 2016, Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) telah menerima sebanyak 1425 aduan berkaitan salah laku anggota penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan di mana sebanyak 307 aduan telah diterima pada tahun 2013, 319 aduan pada tahun 2014, 329 aduan diterima pada tahun 2015, dan sebanyak 470 aduan telah diterima pada tahun 2016.

Semua aduan yang diterima EAIC akan disiasat sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 25 Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700]. Daripada 1425 aduan yang diterima, 880 aduan telah ditolak kerana EAIC mendapati tiada salah laku pegawai atau agensi penguatkuasaan, 104 aduan telah dirujuk kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT) agensi, 339 aduan telah diarahkan untuk dibuka kertas siasatan bagi tujuan siasatan penuh manakala baki 102 aduan masih lagi di peringkat siasatan awal oleh Pegawai Aduan Suruhanjaya.

Daripada 339 kertas siasatan yang telah dibuka itu pula, 250 kertas siasatan yang dibuka telah pun diputuskan oleh Suruhanjaya manakala selebihnya sebanyak 89 kertas siasatan lagi masih aktif dan sedang dalam tindakan Pegawai Siasatan.

Terima kasih.